

**SULIT**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN  
[SEPANG - PAS]**

**SOALAN (NO. 451)**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi membolehkan sukan perahu layar antarabangsa di Batu Laut, Sepang setiap tahun dijadikan satu pesta sukan yang berprestij sekaligus menaikkan nama Malaysia dan menarik para pelancong ke sukan tersebut.

**SULIT**

## **JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian Belia dan Sukan sentiasa menyokong sebarang usaha dari semua pihak yang dapat membantu pembangunan sukan negara secara menyeluruh baik dari sudut sukan untuk semua, sukan prestasi tinggi, mahupun sukan pelancongan.
2. Sukan perahu layar atau pelayaran merupakan salah satu daripada 19 jenis sukan teras yang diberi perhatian untuk dibangunkan secara menyeluruh. Antara program-program promosi bagi sukan ini termasuklah penganjuran kejohanan Monsoon Cup, Liga Layar, Belia Belayar serta Kejohanan Regatta yang dianjurkan oleh Persatuan Pelayaran Malaysia.
3. Pantai Batu Laut di Sepang, Selangor telah pun dijadikan pusat latihan atlet bagi program pelapis negeri serta menjadi *venue* utama seperti Kejohanan Regatta Terbuka Selangor anjuran Persatuan Pelayaran Selangor dan Kejohanan Perahu Layar Majlis Daerah Kuala Langat pada setiap tahun.

Sekian, terima kasih.